

26 JUN 2003

Salleh-Calon/I

ANGGOTA UMNO DIMINTA UTAMAKAN PARTI

KOTA KINABALU, 26 Jun (Bernama) -- Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Salleh Tun Said hari ini menggesa anggota parti mengutamakan parti daripada kepentingan individu dalam soal pemilihan calon pilihan raya.

Beliau berkata nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai perkara itu adalah tepat pada masanya.

Dr Mahathir, Rabu lepas menasihati anggota parti menerima keputusan pucuk pimpinan dalam pemilihan calon pada pilihan raya umum akan datang.

Salleh berkata terdapat banyak pemimpin Umno yang sesuai menjadi calon pada pilihan raya umum akan datang dan adalah tepat masanya bagi Umno meletak calon bagi bertanding hanya di satu kerusi.

"Secara peribadi, saya berpendapat adalah lebih baik bagi Umno meletakkan calon bagi satu kerusi sahaja...sama ada kerusi negeri atau parlimen," kata Salleh yang juga anggota Parlimen Kota Belud dan Dewan Undangan Negeri Usukan.

Salleh yang juga Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Sabah, berkata selain memberi peluang kepada pemimpin lain menjadi calon, ia juga lebih praktikal.

"Ini akan membolehkan seseorang wakil rakyat memberi tumpuan kepada sesebuah kawasan," katanya.

"Bagi diri saya, jika saya diberi peluang bertanding semula, saya serahkan kepada pucuk pimpinan menentukan sama ada bagi kerusi negeri aau parlimen," ujarnya.

-- BERNAMA

JS MOZ